

Kena sepakat atasi banjir

KOSMO
27/11/2006

MELAKA - Penduduk di Kampung Gadek Dalam, Alor Gajah dinasihatkan agar bersepakat bagi menyelesaikan masalah banjir yang sering menimpa kampung mereka.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gadek, Datuk Abdul Ghafaar Atan ketika dihubungi berkata, kerajaan negeri sudah mengambil inisiatif menyelesaikan masalah itu tahun lalu, namun gagal akibat tiada kerjasama segelintir penduduk.

“Masalah timbul apabila ada penduduk di tebing Sungai Batang Melaka enggan membenarkan sebahagian tanah mereka digunakan untuk membina benteng.

“Apabila ada bantahan begini, kerajaan negeri tidak boleh buat apa-apa,” jelasnya.

Tambah Abdul Ghafaar, proses pengambilan tanah pula memakan belanja yang besar.

“Kita perlu memikirkan keutamaan lain sebelum membuat keputusan mengambil tanah itu.

“Pun begitu, masalah ini tidak akan dibiarkan begitu saja dan jalan penyelesaian akan difikirkan kelak,” ujarinya.

Menurutnya, antara yang dicadangkan ialah membina kunci air yang baru di sungai itu.

Kelmarin, *KOSMO!* melaporkan rintihan penduduk Kampung Gadek Dalam yang kerap kali dilanda banjir kilat akibat limpahan air Sungai Batang Melaka.